

Realiti Perpaduan Ummah dan Cabarannya: Analisis Dari Perspektif Pemikiran Islam

Oleh:

Prof Madya Dr W.Z.Kamaruddin bin W.Ali
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Lembah Pantai 50603
Kuala Lumpur

Abstract

Ummah has various connotations which depend on perspectives from various sources. In Islam, ummah has certain element and criteria and especially if related to Islam as “*a way of life*”. Currently, ummah is facing tough challenges from within and outside. Challenge from within is represented by many perspectives, as well as from outside. Both challenges could not be easily wiped away and at certain level, can damage the ummah if they are not handled carefully. Obviously, challenge from outside is clearer than from within. To know the challenges fundamentally can easily help to find the fair solution. It is indeed a must to differentiate the secondary challenge that is produced by fundamental challenge. Historical perspective could also be examined to see the change that happened from the earlier stage until now in order to observe the solidarity of the ummah themselves throughout the stages. The strength and weakness from fundamental aspect can determine the identity and survival of the ummah in the globalised world. This paper, as it is presented here tries to see, to elaborate and to observe the strength and weakness of ummah fundamentally and its relation to the survival of ummah themselves.

Introduksi:

Ummah dalam realiti kini jelas berhadapan pelbagai isu dan cabaran yang hebat dan getir dari dalam mahupun dari luar. Untuk membincangkan ummah dalam konteks cabaran dan realitinya bukanlah sesuatu yang mudah, begitulah juga untuk tidak membincangkannya. Dalam Islam, persoalan ummah banyak dibicarakan. Walaupun istilah dan terma yang digunakan tidak begitu banyak berbanding dengan bidang Sains Sosial, tetapi setiap pemilihan sesuatu istilah atau terma adalah sangat signifikan. Persoalan cabaran terhadap ummah turut berperanan penting. Mungkin inilah yang dikatakan *Sunnatu'Llah* kepada “*ummah*” kerana setiap ujian dan cabaran yang dihadapi adalah mempunyai sebab dan tujuan, dan bukanlah tanpa sebab dan tujuan.¹ Pada garis kasarnya, ia bertujuan untuk menguji kekuatan mahupun kelemahan ummah menerusi cabaran daripada Allah [s.w.t]. Rupa bentuk cabaran dan ujian didatangkan dengan kepelbagaiannya sama ada dalam bentuk pemikiran, perbuatan dan tindak balas, untuk melihat

¹ Lihat: Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 16; Ali 'Imran (93): 191; al-Dharyyat (51): 56; Ahmad Zuhdi Ismail, *Imam Ja'far al-Sadiq dan Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Cet.2, 2008, h.88.

dan mengukur ummah dari segi kekuatan atau kelemahan; kepasifan atau keaktifan; kelembaban atau kecergasan dan lain-lain.

Persoalannya, dasar pemilihan perkataan ummah dan bukannya perkataan yang lain menjelaskan sesuatu kepada semua manusia kerana ia disebut banyak kali dalam wahyu Allah, al-Qur'an.² Secara mudahnya, ummah boleh dirujuk kepada individu atau individu-individu yang bergabung dan berhubung dalam suatu kerangka yang sama, sama ada dari segi niyyat [sumber, ideologi, perasaan dan pemikiran], perkataan [suara, ucapan, buah bicara dan sebagainya] dan perbuatan [tindakan, perlakuan, akhlak, responsif, gerak @ bahasa tubuh dll]. Ummah sama ada muslim atau bukan muslim; manusia atau bukan manusia [jin atau hayawan] lebih umum sifatnya berbanding bangsa atau beberapa terma lain kerana ummah boleh meliputi semua manusia dari pelbagai bangsa sama ada 'Arab mahupun 'Ajam. Tiada keistimewaan manusia dan bangsa 'Arab [Bani Hasyim, 'Adi dll] dan 'Ajam walau siapapun mereka sama ada Parsi, Turki, Kurd, Melayu, China, India dan sebagainya.³

Ummah [Umam] dalam Kalam Allah, al-Qur'an:

Dalam al-Qur'an, perkataan *ummah* disebutkan sebanyak 51 kali manakala dalam bentuk jamak, *umam* sebanyak 13 kali.⁴ Di antara bentuk-bentuk *ummah* yang dikemukakan dalam al-Qur'an adalah *ummah muslimah*⁵ merujuk kepada ummah yang menyeru kebaikan [*al-khayr*],⁶ memberikan petunjuk dan hidayah kepada kebenaran [*al-haq*];⁷ *ummah wasata* atau *ummah wasatiyyah*⁸ dikatakan merujuk kepada sifat sederhana yang dimiliki seseorang atau sekumpulan manusia dan yang menjadikan prinsip kesederhanaan sebagai cara hidup [*a way of life*] mereka; *ummah wahidah*⁹ digambarkan sebagai manusia atau kelompok manusia dari segi asal-usulnya adalah daripada ummah yang satu, bersatu dengan ciri penyatupaduan menjadi terasnya.¹⁰

Namun, perubahan masa, keadaan, keperluan dan pelbagai aspek yang lain telah mengubah manusia yang pada asalnya satu, kemudian berpecah, terpecah dan terlerai daripada ikatan dan terasnya¹¹ menjadi kabilah dan bangsa yang lebih kecil dan terpisah. Allah menjelaskan bahawa sekiranya Dia [s.w.t] berkehendak, seluruh manusia boleh dijadikan satu atau sebuah ummah sahaja.¹² Matlamat dan alasan Allah membiarkannya berjalan sedemikian rupa adalah jelas sebagaimana diungkapkan juga dalam al-Qur'an untuk kenal-mengenal [*lita'arafu*];¹³ *ummah qa'imah* pula memberikan pernyataan tentang ummah yang komited

² Ali Syariati, *Ummah dan Imamah*, [terj.] Mu'assasah al-Thaqafah, Teheran, Iran, 1989, h.48.

³ Mohd Nor Hj Nawawi, "Hubungan Kelompok dan Suku-Bangsa: Suatu Kajian Teoritis Dari Sudut Islam," dlm. *Islamika*, Sarjana Enterprise, Cet.1, 1981, h.9-16.

⁴ Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad, *al-Mu'jam al-Mufahris li-Alfaz al-Qur'an al-Karim*, al-Maktabah al-Islamiyyah, Istanbul, Turkiya, 1982, h.80.

⁵ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 128.

⁶ Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 104.

⁷ Al-Qur'an, surah al-A'raf (7): 159; 181.

⁸ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 143.

⁹ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 213; al-Ma'idah (5): 48.

¹⁰ Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 92; al-Mu'minun (23): 52.

¹¹ Al-Qur'an, surah Yunus (10): 19.

¹² Al-Qur'an, surah Hud (11): 118; al-Nahl (16): 93; al-Syura (42): 8.

¹³ Al-Qur'an, surah al-Hujurat (49): 13.

menegakkan kebenaran, bersegera melaksanakan (semua) amalan kebaikan.¹⁴ ummah yang komited dan taat kepada Allah ini juga disebutkan sebagai *ummatan qanitan* [seperti Nabi Ibrahim a.s]:¹⁵ *ummah muqtasidah*¹⁶ merujuk kepada golongan yang sederhana; *ummah* dirujuk dengan pengertian spesis binatang atau burung (*dabbah/ta'ir*).¹⁷

Ringkasnya, ummah yang mempunyai segala ciri dan kriteria yang dikehendaki Allah [s.w.t] dan dijelaskan Rasul-Nya dianggap sebaik-baik ummah atau ummah yang terbaik [*khayr ummah*],¹⁸ menjadi saksi [*syuhada' Allah*] dan hujjah Allah [*hujaj Allah*] di bumi ke atas sekalian makhluk-Nya [*al-umamah al-wusta*] dan '*adl*'.¹⁹

Dalam al-Qur'an, perkataan *ummah* biasanya dikaitkan dengan **ciri dan kriteria** berikut, di antaranya mempunyai wakil Allah seperti rasul,²⁰ pemberi ancaman [*nadhira*],²¹ saksi [*syahid*]²² sebagai contoh Nabi Ibrahim (a.s), malahan Nabi Ibrahim (a.s) sendiri digambarkan sebagai *ummah*.²³ Baginda [a.s] menjadi pemimpin [*Imam, Khalil, Rasul dan Nabi*] mewakili ummahnya. Selain itu, ummah dikatakan mempunyai *mansak* atau *mansik* [*ceremony, ritual*],²⁴ kitab,²⁵ amal perbuatan,²⁶ sekumpulan [manusia] yang menolak tanda [*ayat*] Allah,²⁷ ummah yang "*jathiyah*" [berlutut] dan dipanggil untuk melihat buku catatan amalan mereka²⁸ untuk menerima balasan masing-masing. Seterusnya dikatakan mereka mempunyai ajal [*ajal*] atau tempoh masa,²⁹ mempunyai golongan manusia biasa yang salih dan jahat,³⁰ mempunyai golongan yang berdusta atau dengan kata-kata lain, ummah juga berdusta.³¹

Ummah mempunyai pelbagai maksud dalam al-Qur'an seperti syariah, tariqah, din, generasi sesebuah puak (*tribe*), masyarakat yang mempunyai matlamat yang sama, ataupun ia boleh juga merujuk kepada spesis haiwan "*ummamun amthalu-kum*"³² dan bahkan manusia biasa yang lain.

Ummah [Umam] dalam al-Hadith:

¹⁴ Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 113.

¹⁵ Al-Qur'an, surah al-Nahl (16): 120.

¹⁶ Al-Qur'an, surah al-Ma'idah (5): 66.

¹⁷ Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 38.

¹⁸ Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 110.

¹⁹ Al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*, I, h.150.

²⁰ Al-Qur'an, surah Yunus (10): 47; al-Nahl (16): 36; al-al-Mu'minun (23): 44.

²¹ Al-Qur'an, surah Fatir (35): 24.

²² Al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): 41; al-Nahl (16): 84; 89.

²³ Al-Qur'an, surah al-Nahl (16): 120.

²⁴ Al-Qur'an, surah al-Hajj (22): 34; 62

²⁵ Al-Qur'an, surah al-Jathiyah (45): 28.

²⁶ Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 108.

²⁷ Al-Qur'an, surah al-Naml (27): 83.

²⁸ Al-Qur'an, surah al-Jathiyah (45): 28.

²⁹ Al-Qur'an, surah al-A'raf (7): 34; Yunus (10): 49; al-Hijr (15): 5; al-Mu'minun (23): 43.

³⁰ Al-Qur'an, surah al-A'raf (6): 168 @ surah al-A'raf (7): 168; surah al-Baqarah (2): 134.

³¹ Al-Qur'an, surah al-Ankabut (29): 18.

³² Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 38.

Dalam hadits pula,³³ perkataan *ummah* dalam bentuk mufrad dan *umam* dalam bentuk jamak boleh ditemui beberapa kali, di antaranya adalah *ummah ummiyyah* [umat yang buta huruf], *ummah qa'imah* dengan perintah Allah,³⁴ “umatku ini adalah *ummah marhumah*,”³⁵ “semut (*al-naml*) ...*ummah* daripada *al-umam*,”³⁶ “bagimu, 12 orang khalifah (*Ithna-`asyara khalifah*) setiap seorang daripada mereka merupakan tempat *al-ummah* bersatu”³⁷ dan “*ummahku* akan berpecah kepada 73 *firqah*...”³⁸

Kenyataan dan keterangan al-Qur'an dan al-Hadith dalam Islam memperlihatkan aspek persamaan tentang konsep dan idea mengenai *ummah*, khususnya *ummah* yang dikehendaki Allah dan Rasul-Nya. Ciri dan kriteria yang dikemukakan juga adalah jelas dan boleh menerangkan pernyataan yang diterangkan al-Qur'an sebelumnya. Kelihatan, keterangan al-Qur'an dan al-Hadith saling kukuh mengukuhkan dan saling jelas menjelaskan dan saling lengkap melengkapi satu dengan yang lain. Dengan memahami kedua-duanya secara bersepadu, persoalan *ummah* yang akan dibicarakan lebih mudah difahami.

Ummah [Umam] dalam Sejarah Islam:

Berdasarkan fakta-fakta sejarah penulisan al-Qur'an, *ummah* digunakan untuk semua pengertian dalam surah-surah al-Makkiyyah yang awal. Sepanjang fasa al-Madaniyyah, *ummah* menggambarkan kemunculan komuniti atau masyarakat muslim. *Ummah* di kota Madinah dikenali sebagai “*ummatan wasatan*” atau “*ummatan wahidatan*” yang menekankan kesatuan dan hubungan rapat (*multasiq* atau *muqtasid*) dan kesederhanaan sebagai asas dan fundamental akan kemunculan *ummah* dengan titik penyatupaduannya (pengintegrasian) adalah kepada Islam. Oleh itu, struktur kepuakan dalam masyarakat Arab telah diubahsuai (transformasi) kepada suatu bentuk kesatuan sosial yang baru berdasarkan prinsip-prinsip petunjuk Ilahi, kenabian dan syariah. Istilah *ummah* yang dikemukakan dalam sumber Islam kelihatan digunakan dalam pengertian sosiologi dan juga politik. Ia dikatakan hampir tepat merujuk kepada konsep masyarakat moden masa kini.

Ummah di antara Perpaduan dan Perpecahan:

Allah [s.w.t] menerusi para nabi secara umum, dan Nabi Muhamamd [s.a.w] secara khusus telah menjelaskan kehendak-Nya kepada manusia sekalian alam bahawa Dia [Allah] menyukai perpaduan dan tidak menyukai perpecahan *ummah*.³⁹ Keterangan ini dapat dilihat dengan begitu banyak dalam al-Qur'an. Ayat-ayat al-Qur'an yang lain turut sama menyokong

³³ A.J.Wensinck & J.P.Mensing, *al-Mu`jam al-Mufahras li-Alfaz al-Hadith al-Nabawi*, I, h.85-98.

³⁴ Sila rujuk: Al-Bukhari, *Sahih*, (Bab al-Tawhid), 29; al-Nasa'i, *Sunan*, (Bab al-Khayl), I; Wensinck & Mensing, *al-Mu`jam al-Mufahras*, I, h.85-98.

³⁵ Sila rujuk: Abu Da'ud, *Sunan*, (Fitan), 7; Ibn Majah, *Sunan*, (Zuhd), 34; Ibn Hanbal, *al-Musnad*, 4, h.408. Lihat: Al-Muhammadi, *Mizan al-Hikmah*, I, Maktab al-Alam al-Islami, t.t., Iran, h.148.

³⁶ Sila rujuk: Muslim, *Sahih*, (Bab Salam), 148. Lihat: Wensinck & Mensing, *al-Mu`jam al-Mufahras*, I, h.85-98.

³⁷ Sila rujuk: Abu Da'ud, *Sunan*, (Mahdi), 1. Lihat: Wensinck & Mensing, *al-Mu`jam al-Mufahras*, I, h.85-98.

³⁸ Sila rujuk: Ibn Majah, *Sunan*, (Fitan), 17; Abu Da'ud, *Sunan*, (Sunnah), 1; al-Tirmidhi, *Sunan*, (Iman), 18; al-Darimi, *Sunan*, (Siyar) 74; Ibn Hanbal, *al-Musnad*, 3, h.25. Lihat: Wensinck & Mensing, *al-Mu`jam al-Mufahras*, I, h.85-98.

³⁹ Lihat: ____, “Konsep Perbuatan Allah (*af'al Allah*) Dalam Pemikiran Islam, Pengaruh dan Kesannya Kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia,” dlm, *Jurnal Pengajian Melayu*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Jilid 14, 2004, h.48-63.

kenyataan tersebut, dan ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:



“Dan berpegang teguhlah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah...”⁴⁰

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa...”⁴¹

Allah [s.w.t] memperlihatkan kehendak-Nya bahawa Dia [s.w.t] tidak menghendaki perpecahan ummah seperti dalam contoh-contoh berikut:

“Dan janganlah bercerai berai ...”

“Dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran...”

“Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan...”⁴²

“Dan janganlah kamu mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak di antaranya mahupun yang tersembunyi...”⁴³

Allah melarang budaya “merawat sesuatu perkataan, perbuatan, penyakit dan seumpamanya termasuk perpecahan, dan bahkan menghendaki dan menggalakkan budaya pencegahan [*al-wiqayah/prevention*]. Pada hakikatnya, walaupun Allah [s.w.t] melarang perpecahan dan tidak menyukainya tetapi Dia [s.w.t] tidak menghalangi perpecahan sekiranya itulah yang dikehendaki dan dipilih sesuatu ummah.

Dengan kata-kata lain, Allah [s.w.t] walaupun menyebutkan Diri-Nya *al-Jabbar* dalam salah satu nama-Nya daripada 99 *al-Asma' al-Husna*, namun turut memperlihatkan bahawa walaupun Dia [s.w.t] Allah bersifat Maha Pemaksa tetapi Maha Adil dan Maha Saksama [*al-Jabbar, al-'Adl, al-Muqsit*]. Ia kelihatan menjadi suatu sistem bagi Allah dan menerusi sistem tersebut yang berasaskan “keadilan Allah” [*Adalah Allah*], segala sesuatu yang ditetapkan-Nya [s.w.t] berjalan dengan adil dan saksama.

Dalam isu ini yang merupakan komponen penting dalam Rukun Iman ke-6, *al-Qada' wa al-Qadr*, terdapat **persoalan pilihan** [*al-ikhtiyar*] **dan bukannya paksaan** [*al-jabr*] kepada ummah untuk berpadu atau berpecah.⁴⁴ Ia sama sekali bukanlah seperti ide dan pemikiran al-Jabariyyah⁴⁵ mahupun al-Qadariyyah.⁴⁶ Dengan kata-kata lain, ummah itulah sendiri yang menentukan pilihan mereka untuk bersatu atau berpecah. Dengan demikian, perpaduan dan perpecahan bukanlah ditentukan dan dipilih oleh Allah [s.w.t] untuk mereka bahkan ia

⁴⁰ Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 103 dan ayat seumpamanya, surah al-Hajj (22): 78.

⁴¹ Al-Qur'an, surah al-Ma'idah (5): 2.

⁴² Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 195.

⁴³ Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 151-152; al-Nisa' (4): 43; al-Isra' (17): 32 dan 34.

⁴⁴ Ahmad Zuhdi Ismail, *Imam Ja'far al-Sadiq*, h. 100-113.

⁴⁵ Lihat: Al-Razi, *I'tiqadat Firqat al-Muslimin wa a-Musyrikin*, al-Qahirah, 1398/1978, h.103; A.K.Kazi dan J.G.Flynn, “The Jabarites and the Sifatyya,” dlm. *Abr al-Nahrain*, E.J.Brill, Leiden, 1969-70, h.81; ____, “Aliran al-Mujbirah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya di Malaysia,” dlm. *Jurnal Usuluddin*, Bil.12, 1421/2000, API, UM, h.59-72.

⁴⁶ Lihat: Ahmad Amin, *Duha al-Islam*, al-Qahirah, 1374/1955, I, h.345; ____, “Aliran al-Qadariyyah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya di Alam Melayu Khususnya di Malaysia,” dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 12, 2002, h.49-76.

merupakan ketentuan dan pilihan manusia yang membentuk komponen ummah itu sendiri.

Justeru, ummah berkewajiban dan bertanggungjawab ke atas diri mereka sama ada mahu menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang dan menjadi satu ummah sahaja ataupun menjadi dua, tiga ummah dan seterusnya. Harapan, hasrat, impian, cita-cita dan keinginan semata-mata tidak akan mengubah apa-apa, bahkan perubahan kepada positif atau negatif memerlukan perubahan dalam bentuk perkataan [*word*] dan perbuatan [*action*].

Sejarah memperlihatkan *ummah Islamiyyah* pada era kenabian Muhammad [s.a.w] telah membuat pilihan [*al-ikhtiyar*] mereka secara bebas tanpa paksaan untuk keluar daripada kegelapan kejahilan [*al-jahl*] kepada kecerahan keilmuan [*al-'ilm*] dan keimanan [*al-Iman*]. Mereka bersedia dan telah melakukan usaha-usaha ke arah perubahan dengan segala kekuatan yang ada, didokong oleh institusi kenabian menerusi sistem “*way of life*” atau “*a-gama*” yang kini, semua manusia muslim warisinya hari ini.

Perbezaannya adalah mereka berjaya mencapai suatu zaman “*renaissance*” [pencerahan] dalam konteks Islam, berbeza dengan keadaan masa kini. Perpaduan ummah zaman tersebut dapat dilihat dari semua aspek, baik politik, ekonomi, sosial, pendidikan, agama dan lain-lain. Contoh: Sistem politik kenabian pada masa itu adalah berasaskan “*Imam – ummah*” dengan Nabi [s.a.w] bertindak sebagai pemimpin tertinggi yang wajib ditaati oleh semua orang yang diperintah, baik muslim [Arab mahupun Ajam (Parsi, Kurd, Habsyi, Rom dll) mahupun kafir zimmi [*ahl al-dhimmah*] (Yahudi, Nasrani, Arab jahiliah) dalam semua aspek.⁴⁷ Perintah Nabi [s.a.w] berasaskan “*top-down*” dan bukannya “*bottom-up*.” Pemerintahan tersebut juga berasaskan Piagam Madinah yang dicituskan idenya daripada seorang Nabi dan Rasul Allah, iaitu Muhammad [s.a.w] bersumberkan wahyu Allah [s.w.t]. Piagam Madinah yang ideal ini telah dipraktikkan dalam realiti sebagaimana dibuktikan dalam sejarah Islam yang awal,⁴⁸ tetapi kini, ia hanya menjadi suatu monumen, dan ia tidak lagi wujud dalam realiti.

Ummah, perpaduan, perpecahan dan realitinya:

Persoalannya, benarkah ummah berpadu? Kelihatan, jawapan yang boleh diberikan adalah seperti berikut:

1. Ummah kelihatan berpadu pada zahir dan tidak pada batin seumpama pepatah Melayu, “cubit peha kiri, peha kanan tidak terasa sakit,” dan ia tidak lebih “bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.”
2. Ummah kelihatan berpadu pada nama dan rupa. Berdasarkan perlembagaan Malaysia, Muslim ialah seorang yang beragama Islam, berbudaya Melayu dan bercakap Melayu. Pada nama ia kelihatan sama, iaitu “Melayu” dan rupa pun “Melayu” tetapi penekanannya kepada persoalan yang lebih remeh, “Melayu asal atau asli, Melayu Jawa, Melayu Cham, Melayu Banjar, Melayu Minang” dan pelbagai jenis Melayu lagi. Penekanan kepada Melayu dan kemelayuan dalam perspektif Islam, sebenarnya meletakkan Islam yang universal berhadapan dengan masalah. Ia menjadi sempit, terbatas dan terhad kepada suatu bangsa, etnik atau ras. Keadaan ini sama dengan masyarakat Muslim Arab selepas kewafatan Nabi

⁴⁷ Lihat: Mat Saad Abd Rahman (Dr), *Kedudukan Orang-Orang Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam*, HIZBI, Shah Alam, 1995, h.7-13.

⁴⁸ Mat Saad Abd Rahman, *ibid*, h.13-16.

[s.a.w] yang memberikan penekanan utama kepada Arab dan keArabian sehingga menyebabkan Islam dikenali sebagai “Islam itu Arab” dan “Arab itu Islam” atau “Islam itu Melayu dan “Melayu itu Islam”.

3. Ummah kelihatan berpadu pada slogan, lambang, simbol. Setiap slogan, lambang, simbol mewakili setiap puak, kaum, etnik, ras dan sebagainya. Pengelompokan tersebut kelihatan bertujuan untuk pengasingan, penyisihan dan penyendirian, dan juga untuk kebanggaan dan kebesaran masing-masing. Justeru, dapat dilihat kata-kata “kau-kau, aku-aku” atau “lu-lu, gua-gua” dan seumpamanya dalam masyarakat.
4. Ummah kelihatan berpadu pada warna kulit, bahasa, dialek dan budaya. Perpaduan berteraskan warna kulit sama ada sawo matang, putih kuning atau hitam manis. Perpaduan berteraskan bahasa sama ada Bahasa Melayu asli dan bukan asli dan juga perpaduan berteraskan budaya sama ada budaya setempat [*local*], pinjaman atau campuran.

Kelihatan perpaduan ummah dalam realiti masa kini berteraskan asas-asas yang telah dinyatakan. Perpaduan yang universal sebagaimana dijadikan “*sunnatu’Llah*” merentasi semua elemen di atas sukar dilihat dalam dunia kini, dan secara khusus dunia Islam itu sendiri. Sekiranya ada, ia bersifat *minority*⁴⁹ dan bukan *majority*⁵⁰ dan sekiranya ada juga, ia lebih bersifat setempat dan bukan internasional.

Persoalan seterusnya, benarkah ummah berpecah? Persoalan perpecahan ummah, sekiranya ditanyakan, pastinya akan dijawab dengan jawapan “tidak.” Namun jawapan ini, lebih kepada memujuk hati atau menenangkan hati yang gundah-gulana. Keterangan Kalam Allah, al-Qur’an menjelaskan bahawa ketaatan ummah kepada Allah (s.w.t) adalah secara mutlak, diikuti ketaatan ummah kepada Rasulullah (s.a.w). Al-Qur’an turut menjelaskan bahawa ketaatan ummah kepada Rasulullah [s.a.w] bererti ketaatan ummah kepada Allah (s.w.t) juga,⁵¹ kerana Muhammad [s.a.w] merupakan Nabi, Rasul, Imam, Khalifah dan *Uli al-Amr* yang mewakili Allah [s.w.t] di bumi seperti Adam [a.s] dan *al-anbiya’* dan *al-mursalin* yang lain. Oleh kerana para nabi dan rasul, termasuk Nabi [s.a.w] secara khusus adalah *ma’sumun* [terpelihara daripada semua dosa dan salah, sengaja dan tidak sengaja, kecil mahupun besar],⁵² maka semua perkara berkaitan dengan baginda [s.a.w] adalah *ma’sum* juga. Seterusnya, diikuti ketaatan ummah kepada *Uli al-Amr* yang hanya meliputi *Wali* [pemimpin] yang mentaati Allah dan Rasul-Nya sahaja, dan bukan yang mengingkari Allah dan Rasul-Nya.⁵³

Keterangan dan ramalan kenabian mengenai keadaan dan kedudukan ummah akhir zaman dapat diperhatikan daripada kenyataan-kenyataan berikut: Ketika di pembaringan saat kewafatannya, baginda [s.a.w] masih teringatkan ummahnya, “*ummati, ummati...*” kerana baginda [s.a.w] merupakan Nabi, Rasul, Imam, Khalifah dan *Uli al-Amr* mereka, sangat prihatin dan bertanggungjawab terhadap ummahnya. Namun, apakah pula sikap dan tindakan ummah

⁴⁹ Al-Qur’an, surah Saba’ (34): 13.

⁵⁰ Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 103.

⁵¹ Al-Qur’an, surah al-Nisa’ (4): 80.

⁵² Lihat: ____, *Siapa itu Nabi-Nabi*, PTS Millenia Sdn Bhd, Cet.4, 2007, h.49-102. [*Ma’sum* bererti terpelihara daripada dosa dan salah sama ada besar, kecil atau *zallah*, sama ada dengan sengaja atau tersalah. Ia bukanlah bererti para nabi dan Nabi [s.a.w] tidak boleh berbuat dosa dan salah. Sebagai manusia biasa, mereka memang boleh melakukan dosa dan salah, tetapi mereka memilih untuk tidak melakukan dosa dan salah dengan kehendak dan pilihan sendiri dan bukan dengan paksaan.]

⁵³ Al-Qur’an, al-Nisa’ (4): 59.

akhir zaman terhadap baginda [s.a.w]? Mereka mengubahkannya, membelakanginya, mengengapikannya, meninggalkannya, menentanginya dll.

Menerusi ilmu Allah [s.w.t] yang disampaikan kepada Nabi Muhammad [s.a.w], baginda [s.a.w] membuat ramalan kenabiannya seperti berikut, di antaranya:

1. “Ummahku akan berpecah kepada 73 *firqah*... semuanya ke neraka kecuali satu *millah*...”⁵⁴
2. “Sesiapa yang mendustaiku, maka tersedialah tempatnya di dalam neraka...”
3. “Sekumpulan manusia, sebagaimana yang diberitahu kepada Rasulullah [s.a.w] semasa tidurnya, bahawa mereka dibawa ke neraka kerana telah murtad selepas kewafatan baginda [s.a.w] kecuali beberapa orang sahaja seperti unta yang tersesat daripada pengembalanya [...*mithl hamalu'n-na'am*...]”⁵⁵
4. “[Demi Tuhan dengan diriku ini di tangan-Nya] sekiranya *Iman (al-Iman)* berada di (bintang) *Thurayya*, kaum lelaki daripada golongan ini tentu dapat mencapainya, maka Nabi [s.a.w] memperlihatkan bahawa mereka merupakan bangsa Farsi [*Faris*].” Islam akan dipegang oleh bangsa bukan Arab, iaitu bangsa Salman al-Farisi.⁵⁶
5. “...tanduk syaitan (*qarn al-syaitan*) akan muncul dari timur...”⁵⁷ dan banyak lagi.

Persoalan Penyatupadu atau Pemecahbelah:

Isu kepimpinan merupakan isu primer dalam Islam bahkan merupakan pokok persoalan dalam Usuluddin. Ini dapat dilihat daripada kebanyakan sumber rujukan mengenai Usuluddin turut menyelitkan persoalan *al-Imamah* walaupun pada tempatnya yang kurang wajar.⁵⁸ Pemimpin munafiq, kafir harbi, muslim pada nama dan seumpamanya bertindak sebagai *Uli al-Amr, Wali, Khalifah, Imam, Ra'is al-Wuzara'* dan sebagainya.

Isu berkaitan kepemimpinan (*al-Imamah/al-Khilafah*) terutama selepas era kenabian Nabi Muhammad (s.a.w) mengharu-birukan dan memporak-perandakan cara dan sistem kehidupan ummah hingga menyebabkan ia berjalan tidak mengikut “*sunnatu'Llah*” yang ditetapkan. Pemimpin Allah atau pemimpin manusia tidak mampu dipisahkan oleh pemikiran ummah yang bercelaru. Ciri-ciri dan sifat-sifat pemimpin pengganti Nabi (s.a.w) jarang-jarang

⁵⁴ Al-Baghdadi, *al-Farq Bayn al-Firqah*, Beirut, 1973, h.4-5; al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, Qahirah, 1968, I, h.11; al-Ghazali, *Fisal al-Tafriqah Bayn al-Islam wa Zandaqah*, Qahirah, 1970, h.143; Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, Hayderabad, 1902, h.43. [Lihat: Lutpi Ibrahim, “Al-Firqah al-Islamiyyah: Suatu Perkembangan Pemikiran Islam,” dlm. *Islamika*, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur, 1991, IV, h.86-96.]

⁵⁵ Lihat: Al-Bukhari, *Sahih [The Translation of the Meanings of Sahih al-Bukhari Arabic-English]*, [ed. Dr Muhammad Muhsin Khan] Kazi Publications, Chicago, Lahore, Pakistan, h.378-385. [Lihat: Hadith no.578, 584, 586, 587 dan 590]

⁵⁶ Lihat: Al-Qur'an, surah al-Jumu'ah (62): 3 berkaitan Salman a-Farisi; al-Alusi, Syihab al-Din Mahmud bin 'Abd-Allah (m.1270/1854), [t.t], *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Masani*, XXVIII, Beirut: Dar al-Fikr, h.94; al-Bukhari, Abu 'Abd-Allah Muhammad bin Isma'il (m.256/870), *Matn al-Bukhari: Bi-Hasyiyah al-Sanadi*, III, Sinqapurah-Jaddah: al-Haramayn, h.201; Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin Hajjaj (m.261/875) (t.t), *Sahih*, IV, [Tahqiq: 'Abd al-Baqi], 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, h.1972; Muslim, (t.t), *ibid*, IV, h.1973; al-Bukhari, *ibid*, III, h.201-202; al-'Aini, *Umdat al-Qari*, XIX, h.235.

⁵⁷ Lihat: Muslim, *Sahih*, Tahqiq: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Misr, Cet.I, 1375/1955.

⁵⁸ Lihat: Al-Asy'ari, *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, al-Qahirah, Cet. II, 1389/1969; al-Baghdadi, *Usul al-Din*, Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, Beirut, Cet.II, 1400/1980; al-Baydawi, *Tawali' al-Anwar Min Matali' al-Anzar*, Tahqiq: 'Abbas Sulayman, Dar al-Jayl, Beirut, Cet. I, 1411/1991dll.

kelihatan, manakala kaedah atau sistem penggantinya tidak lagi konsisten dan sebaliknya mengikut era dan zaman. Ciri-ciri manusia pilihan Allah atau pilihan manusia dikelabui dan disurami pelbagai aspek lain hingga ia tidak dapat dijelaskan dan dibezakan. Akibatnya, tujuan dan kepentingan institusi kepemimpinan dan penggantian Nabi (s.a.w) yang berfungsi untuk menjaga hak Allah dan hak manusia atau dengan kata-kata lain, menjaga Islam seluruhnya tidak menjadi realiti.

Perpecahan mulai mengambil posisinya dalam sejarah umumnya, selepas kewafatan Rasulullah (s.a.w) dan Khulafa' al-Rasyidin, dan khususnya selepas perubahan kepada sistem monarki menerusi kerajaan-kerajaan berteraskan etnik, ras dan kaum seperti Bani Umayyiah, Bani 'Abbasiyyah, sampai ke tahun 665/1267, penutupan pintu ijtihad dan permulaan kemasukan ke era zaman gelap atau "*Dark Age*."⁵⁹ Zaman-zaman yang menyusulnya kelam dan berbalam selama hampir 600 tahun, sehingga usaha-usaha untuk membawa ummah keluar dari zaman gelap atau "*Dark Age*" yang dimulakan oleh Sayyid Jamaluddin al-Afghani merupakan sesuatu yang dianggap agak mustahil dan sekiranya boleh, memerlukan suatu kekuatan yang besar dan luarbiasa untuk membawa mereka keluar daripada kepompong "*Dark Age*" itu.

Ummah dan cabarannya:

Cabaran atau dengan kata-kata lain "ujian" mempunyai fungsi, objektif dan matlamatnya di sisi Allah [s.w.t] dan Rasulullah [s.a.w]. Konsep "ujian" itu sendiri merupakan suatu persoalan yang sangat penting diteliti dan dikaji apatah lagi ia juga merupakan bahagian penting dalam Rukun Iman. Konsep ini perlu dibincangkan secara serentak dengan persoalan-persoalan lain terutama cabaran atau ujian dan hubungannya dengan konsep kemampuan [*al-Is'tita'ah*],⁶⁰ cabaran atau ujian dan hubungannya dengan konsep tanggungjawab @ kewajiban [*al-taklif*]⁶¹ dan juga cabaran atau ujian dan hubungannya dengan sistem ketentuan dan ketetapan Allah [s.w.t] dikenali *al-Qada' wa al-Qadr* kerana Allah Maha Adil dan tidak pernah sama sekali bersifat Maha Zalim.⁶²

Alasan, hujah, sebab musabab cabaran atau ujian diperlukan adalah kerana dengan cabaran, implikasi dan impaknya, ummah yang diuji telah berubah, sebahagian menjadi al-Jabariyyah, al-Qadariyyah, al-Khawarij, al-Murji'ah dan lain-lain. Ummah juga telah berubah, sebahagiannya menjadi "ummah jadi-jadian" [*pseudo-ummah*] manakala yang lain pula, "ummah benar" [*real ummah*.]

Tanpa cabaran, implikasi dan impaknya ummah tidak dapat dikenalpasti, menjadi

⁵⁹ Ibn al-Tughribirdi, Abu al-Mahasin Yusuf (1411-1470), *al-Nujum al-Zahirah Fi Muluk Misr Wa-al-Qahirah*, Wuzarat al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qawmi, t.t., VII, h.122; al-Yunini, Qutb al-Din Musa ibn Muhammad, (1242-1325) *Dhayl Mir'at al-Zaman*, Osmania Oriental Publications Bureau, 1954-1961, II, h.234; al-Maqrizi, Ahmad b.'Ali b. 'Abd al-Qadir b. Muhammad (m.845), *Khitat al-Maqrizi*, Matba'ah al-Nayl, Misr, 1326, IV, h.161.

⁶⁰ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 286; al-Qur'an, surah al-Talaq (65): 7. Lihat: surah al-Baqarah (2): 233; al-An'am (6):152; al-A'raf (7): 42 dan al-Mu'minin (23): 62.

⁶¹ _____, "Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (*al-Taklif*) Dalam Pemikiran Islam dan Posisinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim," dlm. *Jurnal Ushuluddin*, Pekanbaru, Vol.XIII, No.2, Juli 2008, h.132-140.

⁶² Ahmad Zuhdi Ismail, *Imam Ja'far al-Sadiq*, h.79-116; Harun Nasution (Prof), *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, Penerbit Universitas Indonesia, Cet.V, 1986, h.123-127.

sesuatu seperti robot dan “remote control,” hilang akal, gila, tidak siuman dan sebagainya. Sesuatu ummah itu juga tidak dapat dikenalpasti sama ada ummah yang baik atau jahat; yang kuat atau lemah. Secara ringkasnya, ia dapatlah disimpulkan sebagaimana disebutkan dalam al-Qur’an, sama ada ummah itu “syakiran” atau “kafuran”.⁶³



Cabaran dan isu perpecahan ummah sama ada dari dalam mahupun dari luar adalah banyak. Secara ringkasnya dapatlah dijelaskan seperti berikut:

Pertama: Cabaran dari dalam diri setiap anggota @ individu yang membentuk ummah kerana kejahilan [*al-jahl*] ummah disebabkan ketandusan keilmuan [*al-ilm*]. *Al-jahl* menggerakkan *al-hawa* sedangkan *al-ilm* menggerakkan *al-aql*. Semakin besar *al-jahl*, semakin kuat *al-hawa* dan kuasa musuh-musuh Allah dan Rasul-Nya, dan begitulah sebaliknya semakin besar *al-ilm*, semakin kuat *al-aql* dan kuasa Allah dan Rasul-Nya. Rasulullah [s.a.w] dikatakan pernah bersabda: “Kita kembali daripada *jihad asghar* kepada *jihad akbar*” merujuk kepada peperangan melawan *al-hawa* dalam diri sendiri.

Kedua: Cabaran daripada perpecahan disebabkan kezaliman [*al-zulm*] dengan menafikan keadilan [*al-‘adl*] dan kesaksamaan [*al-qist*] dalam Islam.

Ketiga: Cabaran daripada perpecahan disebabkan hasad dengki dan iri hati menyebabkan ummah menjadi lemah longlai. Hasad dengki biasanya disebabkan sebahagian manusia tidak memiliki sesuatu yang dipunyai oleh yang lain, dan mereka pula tidak berusaha untuk memilikinya dengan cara yang dihalalkan.

Keempat: Cabaran daripada perpecahan disebabkan keperluan dan tuntutan hidup. Sebahagian memerlukan dan menghendaki sesuatu sedangkan mereka tidak diberikannya. Disebabkan tuntutan dan keperluan hidup, mereka mengambilnya walaupun itu bukanlah hak mereka.

Sekiranya ummah [Muslimin] mengenalpasti mereka, cabaran dan masalah boleh diselesaikan, tetapi malangnya ia bukanlah sesuatu yang sangat mudah. Demikian juga dengan *kafir harbi* dalam konteks dunia kini yang keliru dan mengelirukan ummah. Cabaran dan masalah lain adalah disebabkan golongan *Ahl al-Syubhah* dan yang tersalah [*al-Khati’un*].

Persoalan perpecahan dan matlamat berkaitan perpecahan ummah adalah jelas iaitu memudahkan mereka diperintahkan, mudah dilaga-lagakan, mudah diperkotak-katikkan, mudah dijahilkan, mudah dihinadinakan dan mudah diperkudakan. Cabaran-cabaran besar menanti ummah pada era globalisasi ini di antaranya:

Cabaran dan isu ekstremisme [*‘asabiyyah*] menerusi kemunculan *‘asabiyyah qaumiyyah* yang menggugat ummah dengan penekanan kepada perbezaan bangsa ‘Arab dan ‘Ajam [bukan

⁶³ Al-Qur’an, surah al-Insan (76): 3.

‘Arab] pada peringkat paling mendasar, diikuti perbezaan bangsa-bangsa Melayu, China, India dan bangsa-bangsa lain dalam konteks Islam di Malaysia dan di dunia Islam.

Cabaran dan isu cara hidup Islam anjuran Nabi (s.a.w) telah mengalami proses perubahan kepada cara hidup bukan Islam dengan penekanan kepada aspek materialisme dan hedonisme, atau faham kebendaan, menyebabkan kehidupan berteraskan “mencari akhirat” telah bertukar kepada “mencari dunia.” Begitu juga, kehidupan “zuhud” turut berubah kepada “mencari akhirat dengan meninggalkan dunia.”

Cabaran dan isu kelahiran aliran pemikiran (*madhahib*) dengan punca, faktor, metodologi, pengaruh dan impaknya turut memberikan sumbangan kepada permasalahan ummah dalam realiti. Apatah lagi, terdapat aliran yang menyokong, yang menentang dan tidak ketinggalan, yang berkecuali dan menyisihkan diri dalam hubungan mereka dengan penguasa [*Uli al-amr*]. Masing-masing dengan stail dan corak mereka disebabkan kepelbagaian aliran, sumber, manhaj/metode berfikir dan membuat keputusan, polisi dalam bermazhab, pengikut dan sebagainya.

Cabaran dan isu kepelbagaian ideologi yang dijadikan polisi oleh pihak-pihak tertentu menggugugut ummah seperti isu pecah dan perintah (*divide and rule*), isu matlamat menghalalkan cara (*the end justifies the means*) dan isu kekuasaan/kekuatan itu kebenaran (*might is right*).

Seterusnya cabaran dan isu ideologi atau “isme” [*isms*] bukan Islam (sama ada dibawa dari Barat, Timur dan sebagainya) yang dihadapkan kepada ummah mengganggu dan mengusutkan pemikiran ummah. Ideologi dan isme bukan Islam khususnya Barat bermaharajalela dalam pemikiran ummah seperti Sekularisme, Pragmatisme, Fundamentalisme, Komunisme, Sosialisme, Kapitalisme, Liberalisme, Pluralisme dan sebagainya,⁶⁴ dan semuanya tidak bersumberkan Islam dan bahkan tidak berkaitan langsung dengan Islam.⁶⁵

Konklusi:

Persoalan ummah merupakan persoalan pada skala besar, manakala persoalan individu *muslim*, *mu'min*, *muttaqi* dan *muhsin* merupakan persoalan pada skala kecil. Kedua-duanya saling berhubungan dan berkaitan. Teras dan fundamental mengenai kekuatan atau kelemahan ummah memang dikenalpasti dari perspektif Islam. Persoalan usuluddin yang merupakan tiang dan tunjang wajib diperkuatkan dan diperkukuhkan manakala persoalan syariah perlu dipraktikkan dan diimplementasikan, bukan dalam realiti maya atau “*virtual reality*,” tetapi dalam realiti kehidupan. Isu primer dan isu sekunder perlu dibezakan dan tidak dikelabui. Kekuatan ummah adalah berpaksikan kepada tiga asas dan dasar pokok iaitu keilahan, kenabian dan keimaman. Dari sini, perpaduan dan perpecahan boleh bermula dan dari sinilah juga perpaduan dan perpecahan boleh berakhir. Perpaduan dan perpecahan adalah pilihan [*al-*

⁶⁴ Lihat: Ebenstein, Alan O., *Today's Isms: Socialism, Capitalism, Fascism, Communism, and Libertarianism*, Prentice Hall, USA, 2000; *Islam & Pluralisme*, (ed. Al-Mustaqem Mahmod Radhi, Khairul Anam Che Mentri), Konrad Adenauer Foundation, Cet. 2006.

⁶⁵ Mohamad Abu Bakar, “Pandangan dan Teori Mengenai Islam Semasa: Satu Tinjauan Kritis,” dlm. *Islamika*, Muzium Negara, Cet.I, 1985, h.272.

ikhtiyar] dan bukan paksaan [*al-jabr*] kepada ummah daripada Allah [s.w.t]. Dalam konteks dunia moden, global mahupun global yang bukan beracuankan dan berteraskan Islam [atau ringkasnya sistem demokrasi], ummah yang menentukan kepimpinan, dan kepimpinan pilihan ummah pula menjadi pencorak dan pewarna perpaduan mahupun perpecahan dalam realiti kini.

TARIKH-TARIKH PENTING:

Tarikh Akhir Penyerahan Abstrak:

31 Mac 2010

Pengesahan Penerimaan Penyertaan:

15 April 2010

Tarikh Akhir Penyerahan Kertas Kerja Penuh:

31 Mei 2010

Tarikh Akhir Pembayaran Yuran:

28 & 29 Julai 2010

**Untuk maklumat lanjut,
Atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

En. Mahyuddin	+6019-3704450
En. Ahmad Tarmizi	+6019-9325525
En. Nidzamuddin	+6019-6969991
Pn. Noornajihan	+6013-6130732

Atau hantar kepada kami di:

SWAN2010

Faculty of Quranic and Sunnah Studies(FPQS)

Islamic Science University of Malaysia

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai.

e-mail : swan10usim@gmail.com

Website : <http://www.swan2010.com>